

**TENGGU Aizan menyerahkan cenderahati kepada Pengurus Pusat Penjagaan Warga Emas Yayasan Teratai, Pang Song Neo.**



Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib  
yusliza@hmetro.com.my

Stigma masyarakat cepat menjatuhkan hukum terhadap anak yang sanggup menghantar ibu bapa ke rumah penjagaan orang tua. Bagaimanapun, segelintir rumah penjagaan orang tua tidaklah seburuk atau seteruk yang disangka, bahkan banyak rumah seumpama itu memberi penjagaan berkualiti dan sempurna untuk warga tua yang dihantar anak mereka pada waktu bekerja.

Malah tidak menjadi kesalahan jika anak yang berkerjaya menghantar ibu bapa yang uzur ke rumah penjagaan sementara mereka bekerja, menjemput mereka kembali ke rumah selepas waktu kerja dan mengambil alih tugas menjaga ibu bapa mereka.

Dengan kemudahan serba moden zaman ini, semakin banyak pusat penjagaan warga tua disediakan dan kebanyakannya diisi dengan aktiviti bagi membolehkan mereka bergaul dan kekal aktif.

Pengarah Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid berkata, anak yang menghantar ibu bapa mereka yang sudah tua sama ada untuk penjagaan harian atau ditinggalkan di kediaman khas tidak seharusnya dipandang serong. Ini kerana kebanyakan pusat itu mempunyai kemudahan dan sumber yang mencukupi untuk memastikan penghuninya selesa

# CERIA pada USIA EMAS

Rumah penjagaan orang tua sedia aktiviti untuk mereka bergaul dan kekal aktif



**KAKITANGAN Pusat Perubatan Kinta bersama Tengku Aizan, wakil media dan peserta sesi meja bulat bergambar kenangan ketika lawatan ke pusat perubatan itu.**

dan bebas melakukan aktiviti disukai.

Katanya, tidak adil untuk melabelkan anak sebagai tidak bertanggungjawab atau menuduh jika mereka memilih untuk meninggalkan mereka di rumah penjagaan. Rumah

penjagaan seumpama itu membantu mengatasi dilema yang dihadapi anak yang terlalu sibuk dengan kerjaya untuk menjaga ibu bapa, lebih-lebih lagi ibu bapa yang uzur dan memerlukan rawatan perubatan dan bantuan un-

tuk menjaga diri mereka agar sentiasa bersih untuk beribadat.

“Sudah tentu saya tidak menafikan hakikat terdapat segelintir anak meninggalkan ibu bapa di pusat penjagaan atau rumah orang tua tanpa rasa

tanggungjawab, tetapi terdapat ramai juga anak yang menghantar ibu bapa mereka di sana dengan niat yang baik kerana tiada orang dapat menjaga ibu bapa terutama yang uzur dengan sempurna ketika ketiadaan mereka di ru-

mah kerana keluar bekerja. “Pusat jagaan harian adalah jalan terbaik untuk anak menghantar ibu bapa mereka di sana pada sebelah pagi dan menjemput mereka kemudian selepas kerja. Malah, jika ibu bapa ini sakit, semua keperluan mereka akan disediakan dengan baik di pusat itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan sesi meja bulat bersama media bertajuk Keterangan Umur dan Persekitaran Menyokong di Ipoh, Perak baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, Ketua Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan, Dr Mohamad Salleh dan Presiden Majlis Kebangsaan Warga Emas, Datuk Dr Soon Ting Kueh.

Program itu bertujuan berkongsi maklumat mengenai penuaan penduduk, menggalakkan pendekatan holistik untuk memahami usia tua dan mengukuhkan penggunaan data penyelidikan melalui pembayitan media dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia yang lebih tua.

Program itu turut membawa wakil media ke beberapa pusat penjagaan warga tua di sekitar negeri itu antaranya Pusat Penjagaan Warga Emas Yayasan Teratai, Pusat Perubatan Kinta yang memiliki pusat penjagaan untuk warga tuanya sendiri yang dikhaskan buat mereka yang memerlukan rawatan perubatan dan penjagaan khusus,